



**CERIA:** Wajah gembira para pelajar SK Sayap ketika menunjukkan hasil mereka dalam pertandingan mewarna Jalur Gemilang.

# Pupuk semangat cintakan negara

FPEP UMS laksana Khidmat Masyarakat Kembara Merdeka 2.0 di Kg Sayap

08/09/2019 7

**KOTA BELUD:** Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Program Khidmat Masyarakat Kembara Merdeka 2.0 di Kampung Sayap, di sini, baru-baru ini.

Menurut Pensyarah Kanan FPEP Dr Saizal Pinjaman, pemilihan kampung yang terletak di kaki Gunung Kinabalu dengan penduduk sekitar 1,600 orang itu adalah tepat kerana penduduk kampung yang rata-ratanya mengusahakan penanaman buah-buahan seperti durian, nanas dan tarap, sangat mengalu-alukan kedatangan para peserta dan memberikan kerjasama dalam menjayakan program.

“Di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga FPEP dan kampung, program yang berlangsung selama dua hari ini juga dapat memupuk semangat perpaduan serta cintakan negara sempena Hari Kemerdekaan,” katanya.

Menurut beliau, pada hari pertama program, Kursus Latihan Pengendali Makanan telah diadakan dengan kerjasama Pensyarah Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan Dr Mansoor Abdul Hamid, dengan penduduk kampung dilatih untuk menyiapkan masakan menggunakan bahan-bahan yang ditanam di sekitar kampung.



**KHIDMAT MASYARAKAT:** Belia dan warga FPEP berganding bahu membaiki jambatan gantung untuk kemudahan penduduk dan para pelancong.

Selain daripada pengetahuan yang boleh digunakan untuk mengkomersilkan makanan untuk menambah pendapatan penduduk, sijil penyertaan yang turut diberikan kepada 15 peserta juga boleh digunakan untuk membantu penduduk mencari pekerjaan berkaitan penyediaan makanan kelak.

“Waktu malam pula diisi dengan aktiviti BBQ dengan menjemput sebilangan warga kampung untuk bertukar-tukar cerita dan pandangan mengenai rencah kehidupan masyarakat sempena mengisi malam kemerdekaan,” katanya.

Saizal berkata, pada hari

kedua program, dua aktiviti diadakan serentak dengan pertandingan mewarna Jalur Gemilang bersama kanak-kanak SK Sayap bagi menggilap perasaan Sayangi Malaysiaku dalam kalangan generasi muda, manakala aktiviti membaiki jambatan gantung pula dilakukan bersama warga belia kampung.

Kedua-dua aktiviti itu, katanya, mempunyai simbolik tersendiri dengan aktiviti mewarna Jalur Gemilang menunjukkan kepentingan untuk menerapkan sifat patriotisme dalam kalangan anak muda yang bakal memimpin negara pada masa hadapan.

“Bagi membaiki jambatan

gantungan pula, selain daripada membantu penduduk dan pelancong untuk bergerak di sekitar kampung, ini juga menjadi simbol pengukuhan jambatan keakraban antara warga FPEP dan masyarakat di sana,” katanya.

Tambah beliau, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilakukan di kampung itu dijangka akan diteruskan pada masa akan datang setelah mendapat respons positif penduduk kampung yang menyatakan beberapa siri CSR oleh FPEP di Kampung Sayap sebelum ini telah banyak membantu mereka dalam mengembangkan produk pelancongan.